

Penerima

ANUGERAH PENULIS SARAWAK (GENRE PUISI)



ROSANI HIPLEE dilahirkan pada 11 Disember 1973 di Kuching, Sarawak. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Padungan hingga tamat tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kuching No.1.

Beliau memulakan penulisannya pada tahun 1989. Sehingga kini, beliau telah menghasilkan lebih kurang 250 buah puisi. Kebanyakan puisi beliau membicarakan tentang diri, cinta peribadi, cinta akan Tuhan, cinta akan kemanusiaan dan cinta akan bangsa dan negara. Antara karya beliau yang pernah menerima anugerah peringkat negeri dan kebangsaan ialah:

1. Cerpen *Meraih Kasih* - Hadiah Sagu Hati Peraduan Menulis Cerpen pada tahun 1994 anjuran PEMADAM.
2. Puisi *Antara Tower of Hill dan Taj Mahal* - Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak 1996 oleh DBP Cawangan Sarawak.
3. Puisi *Mawar Kurniaan Tuhan, Wanita Alaf Baru, Srikandi Siber, dan Citra Kewanitaan* - Hadiah Sagu Hati Sayembara Puisi di Internet, anjuran Yayasan Azam Wanita (YAZNITA) pada tahun 2000.
4. Cerpen *Hati Perempuan* - Hadiah Tempat Ketiga Pertandingan Menulis Cerpen anjuran Badan Keluarga dan Sukan DBP Cawangan Sarawak.
5. Puisi *Aduhai! Melamarmu* - Hadiah Tempat Kedua Sayembara Menulis Puisi Hari Kualiti 2001 anjuran DBP Malaysia.
6. Puisi *Sudah Kudengar* - Hadiah Tempat Kedua Sayembara Menulis Puisi Hari Kualiti 2001 anjuran DBP Malaysia.
7. Puisi *49 Tahun, Merdeka!* - Hadiah Tempat Pertama Sayembara Menulis Puisi Hari Kualiti 2001 anjuran DBP Malaysia.
8. Puisi *Terima Kasih, Cikgu* - memenangi Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak (HPPS) 2006.
9. Puisi *Perempuan Cahaya* - Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak (HPPS) dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) 2009.

Berbekalkan pengalaman menulis yang semakin matang, beliau telah menghasilkan tiga (3) buah kumpulan puisi, iaitu *Sari Rahsia Terindah* (DBP, 2007), *Cinta Perempuan yang Cantik* (DBP, 2011) dan *Titik!* (ITBM, 2014). Puisi-puisi yang dihasilkan menggunakan bahasa kiasan, terutama unsur metafora. Hal ini dapat diperhatikan dalam kumpulan puisi beliau, *Cinta Perempuan yang Cantik*.

Berdasarkan penilaian panel kumpulan puisi *Cinta Perempuan yang Cantik* mengungkapkan citra rasa peribadi, dengan karangan metafora yang menarik. Kumpulan puisi ini jelas menghimpunkan suara batin penulis yang halus tentang cinta. Dalam merakamkan cinta ini, beliau terpanggil untuk memetik bunga metafora bahasa yang segar.

Dalam menebarkan rasa peribadi, beliau berupaya memugar metafora bahasa sajak. Sebagai wanita, beliau tidak ingin terlalu berterus terang. Puisi yang diolah dengan diksi dan ungkapan yang halus, makna dan rasa disampaikan di celah kata terpilih. Dia mengubah metafora untuk kesan keindahan sebuah puisi.

Dalam kumpulan puisi *Sari Rahsia Terindah*, beliau mempunyai jati diri yang tersendiri dalam penulisan puisi. Manakala dalam kumpulan puisi terbaharu *Titik!*, beliau menampilkan gaya penulisan yang tersendiri dengan suara kewanitaannya semakin terpancar dalam nada yang berkesan. Saranannya juga ditampilkan dengan santun walaupun kadang-kadang tajam dan agak sinis.

Berdasarkan kepada penglibatan serta sumbangan berterusan sejak dari tahun 1980-an dalam bidang puisi di Sarawak, beliau wajar diberikan pengiktirafan. Beliau bukan setakat produktif dan konsisten dalam berkarya, malahan karya beliau bermutu tinggi dan dapat dijadikan contoh kepada para penulis. Dari segi kegigihan dan kekuatan karya, beliau turut menghasilkan cerpen dan ulasan karya yang membuktikan bahawa dirinya sebagai penulis yang baik.